

16 AUG 2000

Kadir-Pas

KENYATAAN PAS RAYAKAN PESTA BULAN KEMERDEKAAN DISAMBUT BAIK

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Kenyataan Timbalan Menteri Besar Kelantan Abdul Halim Abdul Rahman yang menyeru agar semua parti pembangkang mengurangkan kempen politik disambut baik.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, tidak sepatutnya ada pertentangan dalam sambutan kemerdekaan yang ke-43 ini.

"Selama sebulan mulai esok, kita akan menyambut Hari Kemerdekaan ke-43 dan janganlah ada sebarang perbezaan politik kerana kita adalah satu negara, satu bendera yang sama dan satu lagu," katanya pada sidang media bagi mengumumkan persediaan terakhir bagi pelancaran Pesta Bulan Kemerdekaan esok.

Halim dilantik menjadi pengerusi peringkat negeri jawatankuasa Pesta Bulan Kemerdekaan selepas PAS di Trengganu dan Kelantan berjanji untuk bekerjasama dengan pusat dalam menjayakan program itu malah telah mengatur corak sambutan mereka sendiri.

Pada sidang media di Kota Baharu semalam, beliau menyeru supaya aktiviti politik dikurangkan malah parti pembangkang diminta menumpau kepada sambutan itu.

Pesta selama sebulan sehingga 16 Sept itu akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka esok.

Lagu khas ciptaan Suhaimi Md Zin atau Pak Ngah untuk Jalur Gemilang juga akan dipersembahkan buat pertama kalinya oleh koir Maktub Perguruan Ilmu Khas dengan diiringi oleh orkestra Polis Diraja Malaysia.

Sempena bulan itu juga, Abdul Kadir menyeru orang ramai mengibarkan bendera dan menyalakan lampu pelita setiap malam sehingga sambutan berakhir.

-- BERNAMA

SLR AHH FAZ